



**JKR NEGERI JOHOR**  
**NOTIS SEBUT HARGA KERJA**

**JKR/SH/PERS/KDNST/5/2025**

**KERJA-KERJA PENGGANTIAN PENAPAK DAN PEMASANGAN BARU TANGKI AIR DOMESTIK DAN TANGKI AIR COOLING TOWER SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI BANGUNAN KDN CAWANGAN JOHOR, JOHOR BAHRU**

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Negeri Johor** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah dalam Gred **G3** Kategori **B** Pengkhususan **B24**.
2. Kontraktor **WAJIB** mengemukakan Borang Pengisytiharan Pemunya Beneficial (BO) dan Surat Akuan Syarikat dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa (SA) yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar bersama-sama Dokumen Sebut Harga.
3. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** (Petender hendaklah kemukakan Sijil Pendaftaran Asal CIDB (Perakuan Pendaftaran Kontraktor & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) & PPK (Sijil Taraf Bumiputera), SSM (Sijil Pendaftaran Syarikat) dan Surat Kebenaran Khas CIDB (jika berkaitan). Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : **23/06/2025**  
Masa : **10:00 pagi - 10:30 pagi** (Pendaftaran)  
**11:00 pagi** (Jangkaan Taklimat)  
Tempat : **BILIK MESYUARAT KDN, ARAS 7, BLOK 1,**  
**KOMPLEKS KEMENTERIAN DALAM NEGERI,**  
**TAMAN SETIA TROPIKA,**  
**81200 JOHOR BAHRU**

(Perhatian: Kontraktor tidak dibenarkan menghantar wakil untuk hadir lawatan tapak)

4. Harga Dokumen Sebut Harga adalah sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: LIMA PULUH SAHAJA)** dan perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada **25/06/2025** jam **11:45 malam**. Kontraktor hendaklah memuatnaik slip bayaran dalam ruangan yang disediakan
5. Emel pengesahan bayaran berserta no siri unik akan dihantar melalui **EMEL RASMI SYARIKAT YANG AKTIF SAHAJA** (Emel persendirian tidak dibenarkan) Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun dari laman sesawang S3PK, bermula dari **23/06/2025** sehingga **27/06/2025** setelah menerima emel pengesahan bayaran.
6. Dokumen sebutharga dalam bentuk salinan cetak yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dengan serahan tangan atau perkhidmatan pos dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut Harga JKR NEGERI JOHOR, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan** Pejabat Pengarah Kerja Raya Johor Aras 4-5, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak 79582 Kota Iskandar Johor **TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00** tengah hari, hari **KHAMIS, 03/07/2025**.
7. Sebarang pertanyaan sila emel ke **johorfasiliti@gmail.com**



Sr MOHD JALIL BIN ESMAN, PQS  
Juruukur Bahan Penguasa  
17/06/2025